



KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD

96, Jalan Bangsar, Peti Surat 11065, 59200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2282 4660/4736

Fax : 03-2282 7680/1267/3419

E-mail : membersmail@ktnb.com.my Website : www.koptnb.com

PEKELILING MORATORIUM KEPADA ANGGOTA KOPERASI TNB

Assalamualaikum w.b.t. & Salam Sejahtera,

25 Mac 2020

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan Anggota Koperasi yang dihormati sekalian,

Semoga semua anggota berada dalam rahmat Allah SWT, sihat walafiat dan dijauhi dari wabak Covic 19.

Berikut adalah pendirian Koperasi TNB berkenaan isu moratorium (penangguhan) pembiayaan Koperasi TNB.

Merujuk kepada Kenyataan Media Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bertarikh 17 Mac 2020, SKM menyarankan tawaran penangguhan ini diberikan kepada anggota yang diberhentikan kerja, cuti tanpa gaji dan perniagaan yang terjejas. Berdasarkan situasi semasa, Koperasi yakin bahawa 3 faktor ini tidak dilaksanakan oleh TNB pada masa sekarang. Namun begitu sekiranya ada, Koperasi akan memberi keutamaan dalam pelaksanaan penangguhan ini.

Berbalik kepada isu penangguhan ini, Koperasi TNB telah laksanakan sejak dahulu lagi. Koperasi membuka ruang penangguhan ini mengikut keperluan anggota dan tertakluk kepada terma dan syarat penangguhan walaupun pada masa dahulu tiada isu wabak penyakit seperti sekarang. Sesungguhnya Koperasi TNB jauh lebih terkehadapan dalam menjaga kebajikan anggota dalam semua aspek dan keadaan.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya terdapat anggota yang terjejas dari segi pendapatan akibat wabak ini, anggota tersebut perlu memohon dengan mengisi Borang Penangguhan yang boleh dimuat turun di laman sesawang Koperasi TNB www.koptnb.com. Pengurusan Koperasi akan mempertimbangkan permohonan yang dikemukakan sebaik mungkin.

Untuk makluman semua anggota, bagi melaksanakan penangguhan secara automatik kepada semua anggota juga agak sukar kerana terdapat sebahagian anggota yang tidak mahu penangguhan ini dibuat bagi pembiayaan mereka. Justeru, Pengurusan Koperasi menyarankan anggota yang telah mengisi Borang Penangguhan menghantar permohonan tersebut ke email membersmail@ktnb.com.my untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Hormat daripada,

Hj Mohd Marzuki bin Yasoa
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan